

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Bandaraya Petaling Jaya (**MBPJ.BP 1/2002**) yang dijual dengan harga **RM5.00** sekeping **di Kaunter Bahagian Sumber Manusia, MBPJ bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang setiap hari bekerja mulai 3 Disember 2009** atau mengemukakan satu sampul surat bersaiz 32sm X 23sm yang beralamat sendiri, berselem 40 sen dan Wang Pos RM5.00 di atas nama Datuk Bandar MBPJ. Borang juga boleh dimuat turun dari Laman Web MBPJ (www.mbpj.gov.my). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar beserta dengan :-

- (a) Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran.
- (b) Salinan Sijil-sijil Persekolahan.
- (c) Salinan Kelulusan Akademik (sila sertakan surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara – *(jika yang berkenaan)*)
- (d) Transkrip keputusan peperiksaan semua semester *-(jika yang berkenaan)*
- (e) Sekeping gambar ukuran pasport (Warna).
- (f) Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas kiri sampul surat permohonan.

PERHATIAN :

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab "A" dan pastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama.

PENTING :

- (a) Borang Permohonan yang **tidak lengkap** diisi akan **ditolak**.
- (b) Permohonan yang **lewat** akan **ditolak**.
- (c) Hanya calon yang **ditapis** sahaja akan **dipanggil temuduga**.
- (d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **6 bulan** daripada tarikh tutup iklan adalah **dianggap tidak berjaya**.

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:-

**DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA,
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.
(u.p. : BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17hb DISEMBER 2009 (KHAMIS)